

Newspaper	Berita Harian
Date	21/11/2012

## Terus usaha salur bantuan kemanusiaan

BH  
21/11/2012

**Kuala Lumpur:** Pertukaran kepemimpinan kerajaan Mesir memberi impak positif kepada rakyat Palestin apabila pintu masuk ke negara itu dibuka untuk penghantaran pelbagai bantuan.

Pengerusi Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF), Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata ia memudahkan urusan penghantaran bantuan berbanding kepemimpinan terdahulu yang bersekolong melarang bantuan kepada Palestin.

"Sebelum ini tentera Mesir dilihat bersubhat dengan menutup pintu masuk ke Gaza untuk menghalang bantuan," katanya selepas melancarkan Tabung Kecemasan Gaza di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

### Negara hampir musnah

Dr Mahathir berkata, bantuan berterusan perlu diberikan kepada negara yang hampir musnah sejak terbabit peperangan dengan Israel sejak 1948.

"Semua bantuan yang kita kumpul akan disalurkan ke sana. Kita ada badan tertentu yang terbabit memberi bantuan kepada Gaza. Hari ini kita lancarkan satu tabung dan akan diagihkan kepada NGO yang sudah ada rangkaian di Gaza.

"Pakaian antara yang sangat diperlukan kerana keadaan menjadi sangat sejuk apabila musim dingin. Mereka tidak ada rumah kerana dibom Israel. Kanak-kanak akan kesejukan dan pakaian akan membantu mereka meneruskan hidup dalam musim dingin," katanya.

### Negara pengganas

Ketika berucap, Dr Mahathir dengan tegas melabelkan Israel sebagai negara pengganas yang sama sekali tidak mempunyai undang-undang kerana mencabuli peraturan antarabangsa sesuka hati.

"Mereka pengganas yang mengancam semua orang di sekeliling mereka. Mereka menyerang sesuka hati dengan alasan mempertahankan diri dan (kononnya) untuk memastikan keselamatan hanya kerana mereka merasa tidak selamat terhadap orang lain," katanya.

Alasan itu seiring dengan kepercayaan mereka berhak membuat serangan di mana-mana negara seperti dilakukan terhadap Sudan baru-baru ini.

"Mereka bercakap soal hak, tetapi rakyat di Palestin juga mempunyai hak untuk berasa selamat. Apatah lagi apabila diletakkan di bawah sekatan dan hak mereka untuk mendapat bantuan makanan dan perubatan dinafikan," katanya.